

**SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL 1/1996:**

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

Perlaksanaan Latihan Houseman

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi alternatif kepada Pengarah-pengarah Hospital dalam melaksanakan penempatan latihan housemen sebagai tindakan jangka pendek bagi mengatasi masalah perlaksanaan peraturan baru latihan houseman berikutan pindaan Akta Perubatan 1971.

2. Latarbelakang

2.1. Pindaan kepada seksyen 13(2) Akta Perubatan 1971 telah melibatkan perubahan kepada latihan housemen yang kini dikehendaki menjalani 4 bulan latihan dalam setiap bidang Perubatan, Bedah dan O&G. Perubahan yang dibuat merupakan pendekatan bertujuan memberi pendedahan dan latihan yang lebih komprehensif kepada doktor-doktor yang menjalani latihan housemen.

2.2. Walaubagaimanapun, kekurangan doktor-doktor di Kementerian yang runcing di masa kini telah menyukarkan perlaksanaan 'obligatory posting' sepenuhnya. Sebilangan doktor-doktor tidak dapat menyempurnakan latihan 'obligatory posting' memandangkan khidmat mereka diperlukan di jabatan-jabatan dan kemudahan-kemudahan kesihatan lain. Di samping itu ketiadaan housemen di Jabatan Pediatrik dan Otopidik telah menyulitkan lagi masalah kekurangan tenaga doktor di jabatan berkenaan.

2.3. Berdasarkan perkara-perkara di atas, Kementerian Kesihatan telah memohon kepada Majlis Perubatan Malaysia supaya kelonggaran diberi untuk menempatkan housemen di Jabatan Pediatrik dan Jabatan Otopidik dan penempatan tersebut dikira sebagai bersamaan dengan penempatan di Jabatan Perubatan dan Jabatan Bedah dari segi undang-undang.

2.4. Kelonggaran ini hanyalah sebagai tindakan jangka pendek sehingga masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan dapat diatasi.

3. Tindakan

3.1. Mulai 1 Januari 1996 penempatan housemen boleh diuruskan melalui 3 cara:-

- i) 4 bulan Perubatan + 4 bulan O&G + 4 bulan Bedah atau
- ii) 4 bulan Perubatan + 4 bulan O&G + 4 bulan Ortho atau
- iii) 4 bulan Pediatrik + 4 bulan O&G + 4 bulan Bedah

3.2. Setiap penempatan hendaklah tidak kurang dari 4 bulan. Penempatan di Jabatan Pediatrik dan di Jabatan Otopidik akan dianggap sebagai bersamaan dengan penempatan di Jabatan Perubatan dan Jabatan Surgeri. Oleh itu Ketua Jabatan Pediatrik dan Ketua Jabatan Otopidik akan dibenarkan 'sign-up' housemen bawah pengawasan masing-masing.

3.3. Bagi tujuan tersebut bilangan jawatan housemen yang diagihkan ke Jabatan Pediatrik dan Jabatan Otopidik hendaklah tidak melebihi 1/3 daripada jawatan housemen yang telah ditetapkan untuk Jabatan Perubatan dan Jabatan Surgeri masing-masing. Lampiran I menunjukkan bilangan jawatan housemen yang telah ditetapkan bagi hospital-hospital oleh Majlis Perubatan Malaysia.

3.4. Doktor-doktor yang menjalani latihan Pediatrik atau Otopidik mestikan, selepas 1 tahun 'housemanship', menyempurnakan sekurang-kurangnya 3 bulan Perubatan atau 3 bulan Surgeri sebelum ditempatkan di jabatan, hospital dan kemudahan kesihatan lain.

3.5. Bagi doktor-doktor yang lain, peluang hendaklah diberi bagi mereka menyempurnakan obligatory posting sama ada melalui 'rotation' antara Jabatan-Jabatan dalam hospital atau melalui 'attachment' dari hospital-hospital daerah dan klinik kesihatan.

4. Pertanyaan

Sila kemukakan segala pertanyaan mengenai pekeling ini kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan, Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
(u/p: Datin (Dr.) R. Sarvananthan)

Sekian, terima kasih

"KESIHATAN SEPANJANG HAYAT"

"KUALITI SEPANJANG MASA"

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI DATO' (DR) ABU BAKAR SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

BILANGAN JAWATAN HOUSEMAN YANG DILULUSKAN

<u>TEMPAT</u>	<u>BIL. JAWATAN</u>
ALOR SETAR	35
PULAU PINANG	52
IPOH	54
TAIPING	29
TELUK INTAN	18
KUALA LUMPUR	90
KELANG	46
SEREMBAN	40
MELAKA	35
JOHORE BHARU	53
MUAR	23
KOTA BHARU	29
KUALA TERENGGANU	31
KUANTAN	30
KUCHING	35
KOTA KINABALU	22
JUMLAH KECIL	621
HOSPITAL UNIVERSITI	47
USM, KUBANG KERIAN	32
JUMLAH	700